




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **69 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,767 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh ialah 39 menjadikan jumlah kumulatif 53,930 orang. Seramai 428 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 200 orang di hospital dan 228 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 27 orang dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Penampang berubah dari zon jingga ke zon kuning manakala Lahad Datu berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning 14 daerah
- Zon Hijau empat (4) daerah

5 Kehadiran dalam majlis-majlis sosial adalah antara penyumbang utama kepada peningkatan penularan kes wabak COVID-19 di negeri ini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri menasihatkan masyarakat khususnya pihak penganjur majlis supaya lebih bertanggungjawab dan memastikan SOP Majlis Sosial yang ditetapkan dapat dipatuhi sepenuhnya.

- 6 Pada hari ini, dua (2) kluster baharu direkodkan.
- i. **Kluster Kg Baru Pasir Putih** di Tawau dikesan pada 27 Mac 2021 hasil saringan rentas negeri ke atas kes indeks yang hendak ke Wilayah Persekutuan Labuan. Turut disahkan positif COVID-19, dua (2) orang anak kepada kes indek pada tarikh sama. Berdasarkan penelitian, kes indeks yang merupakan seorang lelaki pernah pulang ke Tawau bagi menghadiri majlis kenduri kahwin di Kampung Baru Pasir Putih yang dihadiri 244 jemputan. Setakat ini, jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah lapan (8) kes dan aktiviti pengesanan kontak rapat masih giat dijalankan.
 - ii. **Kluster Kg Rimbayan** di Keningau pada hari ini menambah sembilan (9) lagi kes positif COVID-19 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 15 kes. Kes indeks dikesan positif melalui saringan rentas negeri (RTK Antigen) ke Wilayah Persekutuan Labuan pada 17 Mac 2021. Saringan kontak rapat mendapati 14 kes positif dalam kalangan ahli keluarga dan jiran yang hadir majlis pengebumian di Kampung Rimbayan pada 10 hingga 12 Mac 2021. Aktiviti saringan kontak dan kawalan masih dijalankan.
- 7 Daripada 69 kes positif COVID-19, sebanyak 41 kes (59.4%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, tujuh (7) kes (10.1%) saringan bergejala, 18 kes (26.1%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tiga (3) kes (4.4%) dari lain-lain kategori.
- 8 Jumlah kapasiti katil 4,056 unit
- Hospital 478 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,158 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 10.55%.

B PKPD DI KG RANGGU BATU 10, MUKIM BALUNG, FASA 2 TAMAN SEMARAK DAN KG BARU PASIR PUTIH, MUKIM SRI TANJUNG, TAWAU.

1. KKM hari ini melaporkan situasi kes COVID-19 di Kg Runggu Batu 10, Mukim Balung, Fasa 2 Taman Semarak dan Kg Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau, berlaku peningkatan kes secara mendadak di ketiga-tiga lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti adalah tinggi.
2. Sehingga 30 Mac 2021, KKM telah melaksanakan 59 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak lapan (8) kes positif telah direkodkan di Kampung Runggu Batu 10.
3. Manakala sebanyak 16 ujian saringan telah dilaksanakan di Fasa 2 Taman Semarak dan daripada jumlah itu sejumlah enam (6) kes positif COVID-19 telah dilaporkan dan sembilan (9) sampel saringan sedang menunggu keputusan.
4. KKM turut melaksanakan sebanyak 89 ujian saringan di Kg Baru Pasir Putih dan daripada jumlah itu lapan (8) kes positif COVID-19 telah direkodkan serta terdapat 75 lagi sampel saringan menunggu keputusan.
5. Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kg Runggu Batu 10, Mukim Balung, Fasa 2 Taman Semarak dan Kg Baru Pasir Putih, Mukim Sri Tanjung, Tawau, Sabah bermula 01 April 2021 hingga 14 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
6. Pelaksanaan PKPD untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua penduduk serta mengawal pergerakan dan penularan jangkitan dalam komuniti.

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **14** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,350** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **2,524** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **16,927** orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **292,233** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 27 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,576 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 10 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 56 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan dibuat.
- 2 Sebanyak dua (2) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Lahad Datu dua (2) orang
 - Berkumpul tiada penjarakan sosial

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 71 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 450 lokasi melibatkan seramai 188 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 70 anggota RELA di 77 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Kota Marudu, Sandakan, dan Keningau.
- 7 Sejumlah 51 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 11 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 82 hebahan diseluruh sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.9%**.

Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Penampang	97.5%
4	Sandakan	97%
5	Kunak	97%
6	Kota Kinabalu	97%
7	Lahad Datu	97%
8	Beluran	97%
9	Beaufort	97%
10	Tenom	97%
11	Kudat	97%
12	Papar	97%
13	Kota Marudu	97%
14	Tuaran	97%
15	Ranau	97%
16	Kinabatangan	97%
17	Tawau	96%
18	Kota Belud	96%
19	Keningau	96%

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

31 Mac 2021